

22/06/2002

Kelas tambahan percuma bahasa Inggeris

Rohaniza Idris; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Pendidikan akan menyediakan kelas tambahan percuma kepada pelajar bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris menjelang akhir tahun ini, selaras keputusan menggunakan bahasa itu dalam pengajaran Sains dan Matematik.

Kelas tambahan itu akan membabitkan sekolah rendah dan menengah. Pada masa sama, bantuan alat mengajar bahasa Inggeris turut disediakan di semua sekolah luar bandar supaya pelajar tidak ketinggalan berbanding sekolah di bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin, berkata kelas tambahan itu adalah inisiatif kementerian bagi memastikan dasar penggunaan bahasa Inggeris berjalan lancar sebaik dilaksanakan.

"Guru juga akan diberi kursus tambahan bagi memastikan pelaksanaan penggunaan bahasa itu mencapai matlamatnya, iaitu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan generasi muda," katanya kepada Berita Harian di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR); Penilaian Sekolah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan dilaksanakan dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menjelaskan, kerajaan terpaksa mempercepatkan pelaksanaan dasar itu kerana ia tidak boleh lagi menunggu lama berikutan dunia dan teknologi bergerak begitu pantas.

Walaupun dasar itu mendapat sokongan banyak pihak termasuk pada Perhimpunan Agung Umno yang berjalan sekarang, sebelum ini timbul kebimbangan mengenai tahap persediaan dari segi kemahiran guru dan kelengkapan peralatan mengajar.

Bagaimanapun, beliau mengakui akan wujud beberapa masalah pada peringkat awal pelaksanaan penggunaan bahasa itu tetapi memberi jaminan keputusan peperiksaan pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik tidak terganggu.

"Kalau pelajar itu bagus, tidak kisahlah apa bahasa yang digunakan mereka tetap akan cemerlang dan mendapat keputusan yang baik," katanya ditanya mengenai perkembangan mengenai pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi dua mata pelajaran berkenaan.

Aziz berkata, pelaksanaan penggunaan bahasa itu perlu dilaksanakan dengan segera kerana jika tidak sampai bila-bila pun rakyat akan ketinggalan.

"Saya percaya setiap masalah akan dapat diselesaikan dan apa yang penting kita perlu mulakan supaya kita tidak tercicir," katanya

Di kawasan luar bandar, katanya, kerajaan bukan saja akan membantu pelajar malah guru juga diberi kursus insentif supaya dapat mengajar bahasa Inggeris dengan cara paling berkesan.

Beliau juga berkata, tanggapan bahawa penggunaan bahasa Inggeris untuk mengagungkan bahasa asing itu adalah salah.

"Kita buat semua ini bukannya kerana sayang kepada bahasa Inggeris atau mahu jadikan orang kita seperti Orang Putih sebaliknya ia untuk menentukan masa depan anak-anak kita," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, beliau berkata, apa yang dilaksanakan kerajaan bukan berniat menganiaya atau membebankan rakyat.

"Terpulang kepada rakyat untuk mengikut atau tidak apa yang bakal

dilaksanakan itu. Kerajaan berani buat perkara ini kerana kita yakin anak-anak kita akan gemilang bukan bertujuan membeban sebaliknya untuk menjadikan bangsa yang cemerlang dan mampu bersaing dengan bangsa asing.

"Apa yang kerajaan buat ini bukannya untuk orang Melayu saja tetapi untuk semua warga negara supaya rakyat Malaysia dipercayai dan diyakini," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, meminta semua pihak tidak mempertikaikan jawatankuasa khas yang ditubuhkan bagi mengkaji pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

Beliau yang ditemui di luar dewan Perhimpunan Agung Umno berkata, sepatutnya semua pihak memberi sokongan penuh kepada jawatankuasa itu yang dianggotai ahli profesional.

"Kita mempunyai perancangan baik kerana itu kita menubuhkan jawatankuasa khas yang dianggotai ahli profesional.

"Biar mereka buat kerja dan kita hanya perlu tunggu apa cadangan yang akan mereka berikan. Kita perlu beri sokongan," katanya.

Mahadzir berkata, pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik itu tidak ada kaitan dengan kepentingan politik kerana ia membabitkan semua pelajar seluruh negara tidak kira anak penyokong pembangkang atau kerajaan.

Katanya, pelaksanaannya juga tidak akan menggugat sokongan orang Melayu di luar bandar terhadap Umno kerana ia bertujuan meningkatkan penguasaan bahasa antarabangsa itu di kalangan pelajar luar bandar.

"Kita bukan bercakap mengenai populariti politik tetapi bagaimana cara kita boleh meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan generasi muda bagi menghadapi cabaran masa depan," katanya.

(END)